

SEBERANG PERAI, 20 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu syarikat-syarikat Jepun mempertingkatkan usaha mendapatkan bahagian dan alat komponen untuk barangan mereka daripada punca tempatan, terutamanya daripada syarikat-syarikat Malaysia.

Ini penting kerana ia akan menyumbang ke arah pembangunan industri sokongan yang kukuh serta berdaya maju dan seterusnya menjalin hubungan dan integrasi bawahan, Perdana Menteri berkata pada perasmian Sony Electronics (M) Sdn Bhd dan Sony Mechatronics Products (M) Sdn Bhd di sini hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata: +Kilang-kilang di Malaysia patut mencontohi Proton (Perusahaan Otomobil Nasional Bhd) yang berusaha untuk mendapatkan kepakaran dan rakan usahasama supaya syarikat tempatan mampu mengeluarkan komponen yang berkualiti.

Katanya, kerajaan gembira syarikat-syarikat Jepun sedang giat melabur di negara ini, kerana usaha mereka memberi sumbangan besar ke arah pembangunan industri di Malaysia.

+Sungguhpun begitu, lebih banyak lagi perlu dilakukan,+ tegas Perdana Menteri.

Beliau berkata, syarikat-syarikat Jepun patut mempergiatkan usaha untuk melaksanakan kegiatan penyelidikan dan pembangunan di negara ini, yang pada masa ini masih berkurangan.

Tambahnya, sebagai langkah menggalakkan kegiatan R&D di Malaysia, kerajaan menawarkan insentif khas.

+Selain daripada insentif yang sedia ada seperti potongan dua kali terhadap perbelanjaan R&D yang telah diluluskan, insentif tambahan juga dicadangkan dalam Belanjawan 1991.

+Ini termasuk pengecualian cukai selama lima tahun dan membawa ke hadapan kerugian terkumpul yang dialami dalam pengecualian cukai kepada tempoh selepas pengecualian cukai,+ kata Datuk Seri Dr Mahathir.

Beliau menyambut baik cadangan Sony Electronics dan Sony Mechatronics untuk melaksanakan R&D termasuk rekacipta sendiri kerana ia bukan sahaja menguntungkan Malaysia secara keseluruhannya, malah meningkatkan lagi daya persaingan syarikat-syarikat itu dalam industri itu.

Mengenai industri pengeluaran alat audio, Perdana Menteri berkata bahawa industri itu memberi pekerjaan kepada lebih 25,000 pekerja dan merupakan industri yang terpenting di negara ini.

Katanya, hasil eksport industri itu meningkat daripada \$653.8 juta pada 1986 kepada \$3,300 juta pada 1990.

Industri itu berjaya mewujudkan banyak peluang bagai mengadakan +rantai+ dengan sektor-sektor lain. Perdana Menteri berkata bahawa industri pengeluaran alat audio telah membantu meningkat dan meluaskan industri elektronik di Malaysia, daripada hanya ditumpukan kepada semikonduktor kepada pengeluaran barangan siap.+

Beliau berkata, sehingga akhir Mei 1991, daripada 89 syarikat mendapat kelulusan mengeluarkan pelbagai jenis alat audio, 60 diberi taraf perintis, Japan diberi Elaun Cukai Pelaburan dan 21 yang lain diberi kelulusan tanpa galakan.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, industri itu tumbuh dengan pesat dalam lima tahun yang lepas. Semenjak 1986, sebanyak 61 syarikat diluluskan dan hampir kesemuanya berorientasikan eksport, tambahanya.

Daripada segi ekuiti, 60.7 peratus daripada 61 syarikat itu milik asing sepenuhnya, 13.1 peratus, 13.1 peratus dimiliki sepenuhnya oleh pelabur tempatan, 9.8 peratus usahasama dan 16.4 peratus dikecualikan daripada sebarang syarat ekuiti.

Perdana Menteri menyarankan syarikat-syarikat alat audio supaya mengeluarkan barangan pasaran mewah memandangkan pertumbuhan masa depan industri itu adalah di sektor keluaran barangan mewah.

Datuk Seri Dr Mahathir memuji langkah Sony Corporation untuk menambah pelaburan di Malaysia. Katanya, pelaburan Sony di negara ini membuktikan kepercayaan syarikat itu terhadap kestabilan ekonomi dan suasana pelaburan yang positif di Malaysia. -- Bernama